



DI SEBALIK EMPANGAN BATU

EMPANGAN BATU

PERISTIWA banjir besar yang terburuk dalam sejarah negara pada 1971 benar-benar meninggalkan kesan mendalam kepada sesiapa yang melalui saat itu. Seluruh bandar raya Kuala Lumpur ditenggelami air ekoran hujan lebat tanpa henti selama seminggu.

Air naik dengan pantas dan ramai mangsa tidak mampu menyelamatkan harta benda mereka malah ada nyawa yang terkorban ketika itu. Keadaan termasuk di ibu negara sendiri sudah tidak terkawal lagi.

Berikutan itu, kerajaan mengisytiharkan

Darurat Banjir Kebangsaan pada 5 Januari 1971 setelah hampir seluruh negara dilanda bencana alam itu. Itulah kali pertama Kuala Lumpur terputus hubungan dengan dunia luar sehingga pasaran saham juga terpaksa ditutup.

Rentetan daripada itu, kerajaan kemudian mengumumkan Projek Tebatan Banjir Kuala Lumpur dan sebuah empangan tebatan air dirancang dibina di kawasan dalam sekitar Lembah Klang.

Maka pada 1984, sebuah kawasan di hilir pertemuan Sungai Batu dan Sungai Tua kira-kira 16 kilometer dari Kuala Lumpur, sebuah empangan mulai dibina

bertujuan sebagai penebat banjir.

Namun, tahukah anda sebenarnya sebuah kampung dikenali sebagai Kampung Sungai Tua pernah wujud di dasar Empangan Batu sebelum empangan itu dibina.

Sebelum Empangan Batu dibina, Kampung Sungai Tua menempatkan kira-kira 50 buah rumah di samping beberapa lagi kampung sekitar yang wujud di situ. Tetapi, setelah semua penduduk dipindahkan ekoran darurat pada 1951, kampung itu sudah tidak berpenghuni lagi. Kampung itu kini dikenali sebagai Kampung Sungai Tua Baharu.

Kemudian, pada 1984, kerajaan memutuskan untuk membina Empangan Batu di situ bagi mengatasi masalah banjir di Kuala Lumpur. Empangan itu kemudian turut dijadikan sebagai kawasan tadahan bagi menyalurkan bekalan air kepada penduduk di Lembah Klang sehingga hari ini.

Wartawan S2, FAIZAH IZZANI ZAKARIA menyingkap semula fungsi dan peranan Empangan Batu kepada masyarakat di ibu kota serta menelusuri peristiwa serta kisah-kisah sebelum Kampung Sungai Tua ditenggelami air ekoran pembinaan empangan itu.

Peranan utama Empangan Batu

SETELAH banjir terburuk dalam sejarah negara berlaku pada 1971, kerajaan mewujudkan Projek Tebatan Banjir Kuala Lumpur bagi memastikan kejadian sama tidak berulang.

Justeru, sebuah empangan dicadang dibina di dalam kawasan Lembah Klang agar dapat menjadi tebatan banjir yang berkesan untuk mengurangkan masalah banjir di dalam Kuala Lumpur.

Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Seri Ir. Zainor Rahim Ibrahim berkata, Empangan Batu kemudian dirancang dibina di sebuah kawasan berdekatan Gombak dan Selayang. Lokasi tepatnya adalah betul-betul di hilir Sungai Batu dan Sungai Tua, Gombak kira-kira 16 kilometer dari pusat bandar Kuala Lumpur.

Pembinaan mula dilakukan pada 1984 dan disiapkan pada



Selain Empangan Klang Gate, Empangan Batu berfungsi sebagai kawasan tadahan bagi bekalan air yang disalurkan kepada 3 juta penduduk di Lembah Klang pada setiap hari.

1987 dengan kos RM20 juta ketika itu, tidak termasuk kos-kos penggantian tanah milik penduduk kampung asal iaitu Kampung Sungai Tua.

Empangan Batu dengan kawasan tadahan berkeluasan 50 kilometer persegi itu pada akhirnya berupaya mengurangkan masalah banjir di Kuala Lumpur

berbanding peristiwa terburuk pada 1971 itu.

Selain Empangan Klang Gate, Empangan Batu berfungsi sebagai kawasan tadahan bagi bekalan air yang disalurkan kepada tiga juta penduduk di Lembah Klang pada setiap hari.

Sementara itu, Pengarah Pejabat Lembangan Sungai Klang, Kamal Mustapha berkata, Empangan Batu membekalkan kira-kira 25 juta galen air kepada tiga juta pengguna di kawasan itu setiap hari dan dapat dibayangkan kesannya sekiranya empangan itu berhenti menyalurkan bekalan air kepada pengguna walaupun sehari.

Katanya, pada masa kini, fungsi sebagai kawasan tadahan bagi bekalan air dan tebatan banjir menjadi begitu signifikan bagi operasi empangan itu memandangkan perubahan cuaca yang begitu mencabar.

Mengulas lanjut mengenai operasi empangan, Kamal berkata, pihaknya perlu sentiasa mengawal selia keadaan empangan terutama apabila hujan lebat. Menurutnya, mereka perlu memantau paras air agar tidak melimpah tebing empangan.

Dari aspek bekalan air pula, tadahan air akan disalurkan ke Puncak Niaga Sdn. Bhd. yang merawat air tersebut sebelum disalurkan kepada pengguna.

"Namun ketika krisis bekalan air berlaku tidak lama dahulu, masyarakat sering menyalahkan kita apabila bekalan air terpaksa ditutup kerana sumber air tidak mencukupi untuk disalurkan.

"Ada yang mempersoalkan mengapa paras air di empangan masih susut walaupun berlaku hujan lebat di Lembah Klang.

"Ini kerana, hujan tersebut hanya berlaku di satu dua tempat tertentu dan tiada hujan di

kawasan empangan. Maka ia tidak dapat menambah air di tadahan empangan," katanya.

Menyentuh mengenai banjir, Kamal berkata, setiap kali hujan lebat di Lembah Klang, pihaknya akan mengambil langkah berjaga-jaga 24 jam di pusat operasi empangan bagi memastikan air empangan tidak melebihi paras ditetapkan dan jika itu berlaku, air terpaksa dilepaskan melalui sistem pelepasan air empangan bagi mengelak paras air naik ke tahap berbahaya.

Jika tidak dilepaskan katanya, air yang melimpah boleh menyebabkan risiko tembok empangan pecah dan perkara itu akan lebih membahayakan penduduk di sekitar kawasan empangan.

"Air akan dilepaskan secara bersistematik bagi memastikan kawasan sekitar tidak terjejas. Selain itu, alat penggera akan

dibunyikan di kawasan kampung berdekatan bagi memberi amaran pelepasan air," katanya.

Katanya, walaupun keluasan Empangan Batu lebih kecil berbanding Empangan Klang Gate, peranannya amat penting bagi memastikan bekalan air dapat disalurkan kepada penduduk ibu kota selain mengatasi masalah banjir.

"Jika empangan ini tiada, Kuala Lumpur terutama di sekitar Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) akan ditenggelami air yang teruk. Walaupun banjir masih lagi berlaku di Kuala Lumpur, ia disebabkan perubahan pembangunan yang semakin pesat pada hari ini. Empangan Batu masih berperanan besar dalam memastikan banjir terkawal dan dalam masa yang sama, pengguna dapat menerima bekalan air berkualiti hasil kewujudan empangan ini," katanya.



BANJIR besar di Kuala Lumpur pada tahun 1971. Bangunan Sultan Abdul Samad ditenggelami air.



EMPANGAN Batu yang siap dibina pada 1987 mempunyai struktur ketinggian 44 meter.

Masyarakat keliru fungsi empangan

SEJAK Empangan Batu beroperasi pada 1987, pihak pengurusan Pejabat Lembangan Sungai Klang sering sahaja berhadapan dengan bermacam-macam kerenah orang ramai yang mahukan kawasan empangan itu dijadikan sebagai kawasan rekreasi.

Namun, permintaan itu terpaksa ditolak kerana jika mengikut peraturan, kawasan empangan merupakan suatu kawasan larangan bagi orang awam. Jadi, ia terpaksa ditutup daripada dilawati atau dimasuki oleh sesiapa yang tidak berkenaan.

Bagaimanapun, seringkali terjadi orang ramai yang mengingkari peraturan itu dan menjadikan kawasan Empangan Batu sebagai pusat rekreasi atau riadah terutama bagi aktiviti memancing dan berkelah.

Pengarah Pejabat Pengurusan Lembangan Sungai Klang, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), **Kamal Mustapha** berkata, sehingga kini, masih ramai kaki pancing menjadikan Empangan Batu sebagai pusat aktiviti mereka.

Malah, dikhuatiri juga aktiviti riadah sedemikian akan mencemarkan kawasan tadahan air itu dengan sampah-sarap yang dibuang sesuka hati ke dalam empangan.

"Kawasan ini merupakan kawasan berisiko tinggi dan berbahaya kepada orang awam. Ramai yang masih tidak sedar perkara ini. Selain itu, kita juga perlu menjaga kawasan ini kerana ia merupakan kawasan tadahan air yang menjadi bekalan kepada seluruh penduduk di Lembah Klang.

"Jadi, untuk membenarkan segala aktiviti rekreasi diadakan di sini bukan satu pilihan. Ini kerana kita perlu menjaga kebersihan bekalan air selain memastikan keselamatan orang ramai terjamin. Di sini juga adalah kawasan kritikal yang beroperasi pada setiap masa," katanya kepada **S2** baru-baru ini.

Katanya, pernah suatu ketika terdapat orang awam yang memarahi petugas empangan kerana tidak membenarkan mereka masuk untuk melakukan aktiviti riadah. Ada antara



EMPANGAN Batu ketika dalam proses pembinaan pada 1984.

info Empangan Batu

- >> Ketinggian struktur Empangan Batu adalah 44 meter
- >> Dibina sebagai tebatan banjir dan membekalkan air kepada pengguna di Lembah Klang
- >> Membekalkan kira-kira 25 juta galen air sehari kepada pengguna
- >> Kampung Sungai Tua Lama merupakan kampung asal yang wujud sebelum Empangan Batu dibina
- >> Jalan menghubungkan Sungai Tua-Hulu Yam siap dibina pada 1990-an.
- >> Kampung Sungai Tua Lama pernah diancam pengganas komunis sehingga menyebabkan kerajaan memindahkan penduduk ke kawasan baharu pada 1951

mereka sehingga memaki hamun petugas berkenaan.

Namun, katanya, pihaknya

bertegas tidak dapat memenuhi permintaan tersebut bagi menjaga kepentingan semua pihak.

"Orang ramai mungkin masih kurang memahami peranan empangan ini kerana tidak nampak operasinya pada setiap waktu. Namun, pada waktu-waktu kritikal, empangan ini sebenarnya memainkan peranan yang begitu penting kepada seluruh penduduk ibu kota.

"Fungsi utama adalah mengatasi masalah banjir yang sering melanda Lembah Klang. Jika empangan ini tidak dibina, banjir besar dan terburuk seperti 1971 mungkin berlaku dan Kuala Lumpur akan tenggelam lebih teruk lagi," katanya.

Menurutnya, apabila orang awam tidak dibenarkan masuk, ada juga yang akan mempersoalkan mengapa dahulu orang ramai boleh menjadikan kawasan itu sebagai pusat rekreasi tetapi tidak sekarang.

Beliau berkata, masyarakat juga perlu memahami bahawa keadaan dahulu amat berbeza dengan sekarang terutama apabila melibatkan perubahan cuaca dan pembangunan sekeliling.

"Jika dahulu tidak banyak pembangunan tetapi sekarang keadaan telah berubah. Pembangunan berlaku di sekeliling kawasan empangan. Malah perubahan cuaca yang tidak menentu sekarang juga menyebabkan kita perlu mengambil langkah berjaga-jaga," katanya.

Terserempak harimau penunggu, kawasan menyeramkan

WALAUPUN terdapat beberapa cerita misteri yang mengaitkan kawasan Kampung Sungai Tua di dalam internet, ia belum dapat dipastikan kesahihannya.

Namun, ada satu peristiwa yang dialami sendiri oleh penduduk Kampung Sungai Tua Baharu di kawasan sekitar kampung lama dan Empangan Batu.

Abdul Mutalib Mohamad Samdani, 56, menceritakan beliau pernah terserempak dengan seekor harimau belang yang dipercayai penunggu di sekitar hutan di situ.

"Saya sendiri pernah terserempak dengan harimau ini. Badannya begitu besar sehingga bahagian perutnya menyeret ke tanah. Namun ia tidak cuba menyerang saya, sebaliknya hanya bertentang mata.

"Malah saya juga ada terdengar cerita daripada beberapa orang di negeri lain. Mereka juga menggambarkan harimau yang sama. Jadi, saya rasa ini bukan harimau sembarangan," katanya.

Ditanya mengenai cerita misteri lain, dia berkata, ada juga cerita didengari

oleh penduduk kampung itu mengenai kejadian-kejadian pelik di sekitar kawasan kampung lama dan empangan itu.

Katanya, mungkin jalan raya yang sunyi terutama pada waktu malam membuatkan bermacam-macam cerita keluar dari mulut orang ramai.

Laluan Kampung Sungai Tua menyusuri tebing Empangan Batu itu sememangnya teramat sunyi dan gelap pada waktu malam kerana tiada kediaman yang terdapat di situ kecuali beberapa resort dan kem motivasi diri yang dibina di sekitar kawasan hutan di situ.

Sofian Baharom, 29, yang bertugas di ibu kota namun menetap di Batang Kali sering kali menggunakan laluan Sungai Tua-Hulu Yam untuk pergi dan balik kerja yang habis sekitar pukul 1 atau 2 pagi setiap hari.

Katanya, sehingga sekarang, dia belum pernah mengalami sebarang kejadian aneh atau

menyeramkan, tetapi pernah sekali ternampak bayangan berwarna putih sekilas lalu di hadapan kenderaannya. Namun dia meneruskan pemanduan kerana tidak mahu terlalu risau dengan keadaan itu.

Sofian berkata, dia juga sering terserempak dengan seorang lelaki berambut panjang yang membawa pancing sekitar pukul 1 pagi, namun lelaki itu sebenarnya Orang Asli yang sering memancing di sekitar kawasan sungai di situ.

Menurutnya, jalan raya itu menjadi laluan utama

kepadanya kerana jarak untuk berulang-alik yang lebih dekat berbanding menggunakan lebuh raya PLUS.

Katanya, jika habis waktu kerja dan pulang pada pukul 10 malam, laluan itu masih lagi dilalui beberapa kenderaan, namun setelah pukul 1 pagi, sukar untuk berselisih dengan kenderaan dari arah bertentangan.



ABDUL MUTALIB MOHAMAD SAMDANI



PANDANGAN dari udara Empangan Batu dan jalan raya yang menghubungkan Kampung Sungai Tua-Hulu Yam. - **GOOGLE**

KAMPUNG BATANG BATU

A.S. Brothers Sdn Bhd

Tinggalkan kampung asal kerana ancaman komunis

BERMULA 1951, kira-kira 50 keluarga penduduk asal Kampung Sungai Tua diarahkan berpindah ke satu kawasan baharu yang ditetapkan kerajaan kerana ancaman pengganasan komunis di kawasan tersebut pada ketika itu.

Waktu itu, kesemua keluarga terlibat berpindah secara berperingkat ke kawasan yang disediakan tidak jauh dari kampung asal.

Seorang penduduk asal Kampung Sungai Tua Lama, **Mohamad Saman Abdul Latif**, 73, berkata, ketika diarahkan berpindah, dia masih lagi bersekolah. Namun dek kerana komunis sering sahaja menyasarkan penduduk kampung itu, maka kerajaan ketika itu mengambil inisiatif memindahkan kesemua penduduk ke tempat yang terlindung.

"Asal kawasan Kampung Sungai Tua Baharu yang ada pada hari ini merupakan kawasan ladang getah seluas kira-kira 19 hektar. Kemudian kerajaan menjadikan kawasan ini sebagai penempatan semula penduduk yang dipindahkan ekoran ancaman komunis ketika itu," katanya kepada **S2** baru-baru ini.

Menurut Mohamad Saman, semasa di kampung lama, penduduk sering diganggu pengganasan komunis yang menjadikan kawasan kampung itu sebagai laluan mereka untuk masuk ke hutan dan keluar mendapatkan bekalan makanan.

Malah, ada juga kes penduduk kampung yang dibunuh pengganasan komunis itu. Mereka sering mengacau penduduk dan mengambil kad pengenalan

MOHAMAD SAMAN ABDUL LATIF (kanan) bersama seorang rakannya berlatarbelakangkan sekolah di Kampung Sungai Tua Lama sebelum dipindahkan ke kawasan baharu pada 1951.



mereka. Pada satu ketika katanya, kerajaan melancarkan catuan makanan bagi penduduk kampung kerana faktor ancaman komunis itu.

Katanya, ketika ditempatkan di kawasan baharu, kerajaan membina pagar setinggi lebih tiga meter yang diperbuat daripada besi dan kayu di sekeliling kawasan penempatan baharu itu bagi melindungi penduduk daripada ancaman komunis.

"Saya masih ingat ketika itu, seluruh kampung baharu ini dikelilingi pagar yang tinggi supaya komunis tidak lepas masuk dan mengancam penduduk. Kemudian apabila keadaan darurat sudah pulih, penduduk kampung mengambil keputusan meruntuhkan pagar itu," katanya.

Menceritakan mengenai Kampung Sungai Tua asal, Mohamad Saman berkata, kawasan kampung itu terdiri daripada beberapa lagi kampung seperti Kampung Sungai Pamah, Kampung Sungai Pamah Ulu, Kampung Hulu Gimbar dan Kampung Lembah.

Namun katanya, Kampung Sungai Tua menjadi penempatan utama di sekitar kawasan itu. Terdapat sebuah sekolah dan masjid di kampung lama itu yang telah dirobuhkan sekitar 1980-an bagi memberi laluan kepada pembinaan Empangan Batu.

Katanya, pada asalnya, kawasan Kampung Sungai Tua Lama merupakan kawasan sawah padi dan dusun yang diusahakan

oleh penduduk kampung. Terdapat juga padi bukit yang ditanam oleh penduduk di situ sebelum mereka diarahkan berpindah pada 1951.

"Kampung ini dipercayai telah lama didiami. Orang asal yang meneroka kampung ini adalah keturunan Mandailing, Kerinci, Jawa dan Minang. Kita masih boleh lihat beratus-ratus kubur lama yang ada di kampung ini yang menandakan ia telah lama didiami," katanya.

Sementara itu, Ketua Kampung Sungai Tua Baharu, Mejar (B) Ramly Jamaluddin berkata, sehingga kini terdapat lebih 5,000 penduduk yang sebahagian besarnya adalah pesara kerajaan.

Katanya, tanah asal milik penduduk Kampung Sungai Tua Lama telah digantikan dengan bidang tanah yang baharu setelah kerajaan membuat keputusan membina Empangan Batu pada 1984.

"Kesemua pemilik tanah yang terlibat menerima tanah gantian masing-masing di Sungai Tua Tanah Gantian bersebelahan dengan Kampung Sungai Tua Baharu," katanya.

Kini Kampung Sungai Tua Baharu dikelilingi dengan beberapa lagi perkampungan yang wujud selepas zaman darurat berakhir antaranya, Kampung Nakhoda, Kampung Bendahara, Taman Jasa, Bandar Baharu Selayang, Taman Samudera.

Menurutnya, Kampung Sungai Tua merupakan kampung tradisi yang mula-mula wujud di kawasan itu dan terus pesat membangun ditambah pula dengan kerancakan pembangunan di Bandar Baharu Selayang dan Batu Caves.



Saya masih ingat ketika itu, seluruh kampung baharu ini dikelilingi pagar yang tinggi supaya komunis tidak lepas masuk dan mengancam penduduk...

MOHAMAD SAMAN ABDUL LATIF

Kenangan di dusun durian

BAGI Mohd. Zaini Hamzah, 57, kenangan ketika waktu kecil sehingga remaja di Kampung Sungai Tua Lama tidak akan dilupakan begitu sahaja.

Katanya, saat manis ketika bersama keluarga menginap di pondok dalam dusun di kampung lama itu begitu menyeronokkan. Manakan tidak, hasil dusun yang diperolehi begitu berbaloi dengan masa yang dihabiskan untuk menunggu buah masak pada musimnya.

“Dahulu, setiap tahun, penduduk kampung yang telah dipindahkan ini akan berbondong-bondong ke kampung asal mereka untuk menunggu buah gugur dan mengutip hasil dusun iaitu durian di situ.

“Kami akan berkampung di situ selama sebulan atau sehingga dua

bulan untuk mengutip durian di dusun-dusun kami. Memang waktu itu seronok sangat melihat hasil yang dapat. Kemudian setelah habis musim, barulah kami pulang semula ke rumah di kampung baharu ini,” katanya.

Mohd. Zaini yang merupakan anak kepada bekas Ketua Kampung Sungai Tua Lama, Allahyarham Hamzah Malim berkata, beliau sering mendengar arwah bapanya bercerita mengenai kampung lama dan kehidupan mereka di sana ketika beliau kecil.

“Arwah bapa saya cerita, dia pernah berjalan kaki dari Kampung Sungai Tua Lama sehingga ke Jelevu, Negeri Sembilan. Ini kerana, ramai saudara maranya yang menetap di sana suatu ketika

dahulu,” katanya.


Malah, arwah bapanya juga sering bercerita kepadanya mengenai kekejaman komunis terhadap abangnya yang dibunuh di suatu kawasan di kampung itu.

Katanya, sebelum Empangan Batu dibina, Sungai Tua yang melalui kampung itu sering menjadi kawasan tumpuan penduduk kampung untuk memancing kerana terdapat pelbagai jenis ikan di situ.

“Selepas empangan siap, kawasan itu juga sering menjadi tumpuan pemancing. Namun kini, kawasan empangan itu telah dipagar atas faktor keselamatan. Memang kalau diikuti semua kawasan empangan adalah kawasan larangan untuk apa juga aktiviti,” katanya.

Jika sebelum dipagar, katanya, kawasan empangan itu sentiasa menjadi tumpuan pemancing tidak mengira waktu.

PERTEMUAN hilir Sungai Tua (kiri) dan Sungai Batu (kanan) yang menjadi permulaan kepada kewujudan Empangan Batu.



Beratus kubur lama bukti kehadiran penduduk

BERATUS kubur lama yang dijumpai di sebuah kawasan berbukit di sekitar Empangan Batu mungkin menjadi bukti bahawa Kampung Sungai Tua telah lama didiami manusia.

Pembantu Awam Pejabat Pengurusan Empangan Batu, Mohamed Sharif Gulam Nabi, 48, berkata, beliau yang telah berkhidmat dengan pengurusan empangan itu sejak ia siap dibina berkata, kubur-kubur tersebut masih ada sehingga hari ini dan tidak terjejas dengan pembinaan empangan itu pada 1980-an.

“Kawasan perkuburan itu mungkin merupakan tanah perkuburan bagi penduduk Kampung Sungai Tua Lama atau Kampung Pamah. Ia terletak di

atas sebuah bukit dan masih ada sehingga hari ini,” katanya.

Katanya, terdapat hampir 300 kubur yang ada antaranya ditanda dengan tarikh sekitar tahun 1800-an.

Dalam pada itu, Mohamed Sharif yang arif dengan selok-belok kawasan Empangan Batu berkata, sehingga kini tiada lagi tragedi membabitkan empangan itu berlaku kecuali beliau pernah terjumpa mayat terapung di dalam kawasan tadahan itu.

Katanya, mayat tersebut dijumpai terapung setelah ia dibuang ke dalam empangan tersebut. Selain itu, katanya, tiada kejadian tidak diingini berlaku membabitkan orang ramai di kawasan itu sebelum ini.

Katanya, sepanjang

berkhidmat belum pernah ada kejadian buruk kecuali peristiwa sebuah kapal terbang Cessna yang terhempas berdekatan dengan kawasan empangan pada 2013.

Menyentuh mengenai laluan, Mohamed Sharif berkata, jalan raya lama yang menghubungkan Sungai Tua dengan Hulu Yam yang ada pada hari ini hanya dibina pada 1990-an setelah empangan beroperasi.

“Sebelum itu, jalan raya itu belum menghubungkan sehingga ke Hulu Yam. Jalan asal hanya sampai ke kawasan air terjun di Hulu Yam. Tetapi pada hari ini, ia antara laluan yang semakin sibuk terutama waktu siang kerana ada yang menggunakannya untuk ke Genting Highlands selain

ke Batang Kali dan Hulu Yam,” katanya.

Katanya, ketika empangan itu mula ditenggelami air, terdapat sebuah rumah yang dipanggil Rumah Kerinchi yang tidak dirobohkan, tidak seperti bangunan lain yang terdapat di kampung itu.

Menurutnya, rumah itu masih teguh berdiri ketika proses menenggelamkan air empangan dibuat. Sehingga kini, rumah itu masih lagi ada di dalam empangan itu.

“Saya sendiri tidak tahu kenapa rumah itu tidak dirobohkan. Tetapi menurut cerita, pemilik rumah itu merupakan orang yang berketurunan dari Kerinchi, Indonesia,” katanya.

KELIHATAN Taman Jasa Utama yang terletak berdekatan kawasan Empangan Batu yang suatu masa dahulu merupakan kawasan asal Kampung Sungai Tua dan beberapa lagi kampung lain.



KUBUR lama yang masih boleh dijumpai di kawasan Kampung Sungai Tua Lama.

